

24 MAR 2003

Mahathir-Iraq (Amerika)/I

TERLEWAT BAGI AMERIKA GUNA UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sudah terlewat bagi Amerika Syarikat untuk menguatkuasakan satu undang-undang antarabangsa terhadap televisyen Iraq kerana menayangkan empat mayat yang dikatakan askar Amerika dan lima tahanan yang didakwa rakyat negara itu.

Perdana Menteri berkata: "Dia (Amerika) tidak hormati PBB sama sekali, dia dah hilang hak untuk mengungkit perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan PBB... dia tiada hak lagi.

"Anda boleh melihat gambar askar Iraq yang menyerah diri dengan tangan di kepala. Jadi apa salahnya Iraq menunjukkan anggota tentera Amerika yang ditangkap mereka, mereka juga mempunyai hak.

"Agak terlewat bagi Amerika untuk menggunakan undang-undang antarabangsa kerana Amerika sendiri telah menunjukkan sikap tidak hormat terhadap undang-undang antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas membentangkan satu usul mengutuk pencerobohan yang diketuai Amerika terhadap Iraq di Dewan Rakyat di sini.

Dr Mahathir mengulas kenyataan Setiausaha Pertahanan Amerika Donald Rumsfeld semalam yang berkata gambar televisyen itu merupakan satu pencabulan undang-undang antarabangsa mengikut Konvensyen Geneva, sentimen yang turut disuarakan Jeneral Richard Myers, pengerusi Ketua Turus Tentera bersama.

Mayat dan tahanan yang ditunjukkan televisyen Iraq itu ditayangkan oleh stesen berpangkalan Qatar, Al-Jazeera, yang menyatakan yang mati dan cedera itu adalah dari pertempuran dekat bandaraya di selatan Iraq, Nassiriya, di mana Marin Amerika bertempur untuk, menguasainya.

Dr Mahathir berkata Amerika telah hilang haknya untuk merujuk Iraq kepada mana-mana undang-undang antarabangsa kerana mereka sendiri telah menolaknya.

"Ia menunjukkan bahawa konsep sebuah badan antarabangsa (Bangsa-Bangsa Bersatu) yang sepatutnya mengawal tingkah laku sesebuah negara kini telah ditolak dan oleh itu negara lain berhak untuk mengengapikan undang-undang antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata PBB patut mendesak Amerika dan sekutunya supaya menghentikan kempen peperangan dan berundur daripada Iraq.

Mengenai pendapat ramai di seluruh dunia supaya Setiausaha Agung PBB Kofi Annan patut meletak jawatan kerana beliau gagal menghalang peperangan itu, Dr Mahathir mengiakkannya.

"Saya fikir, Kofi Annan patut meletak jawatan bagaimanapun ia menimbulkan masalah kerana anda perlu mendapatkan kata sepakat orang yang amat berkuasa untuk melantik seorang setiausaha agung," katanya.

Mengenai Annan yang kononnya cuba mengambil berat tentang masa depan apabila memperkatakan mengenai membina semula Iraq, Dr Mahathir berkata beliau bukan seorang yang bebas kerana beliau juga ditekan.

"Oleh itu apa jua yang beliau (Annan) katakan, saya fikir tidak mencerminkan pendapat PBB," katanya.

Mengenai dakwaan Presiden Amerika George W. Bush bahawa peperangan yang dilancarkan terhadap Iraq adalah satu "peperangan yang bersih" Dr Mahathir dengan sinis berkata: "Ia amat bersih dan peperangan yang tepat dengan senjata yang tepat dan khusus, sehinggakan tentera Amerika menembak jatuh pesawat British. Itu menunjukkan betapa tepatnya ia."

Perdana Menteri juga berkata dakwaan Amerika bahawa ia menggunakan bom

pintar adalah karut kerana senjata yang digunakan tidak dapat memilih orang mana yang mahu dibunuhnya.

"Sesiapa yang terdedah kepada bom itu akan terbunuh, jadi ia merupakan peperangan yang kotor dan anda boleh lihat dalam gambar bahawa ia satu perang yang kotor," katanya.

Kepada satu soalan sama ada Washington ada berhubungan dengan Kuala Lumpur supaya kedutaan Iraq di sini ditutup, Dr Mahathir berkata beliau tdiak dihubungi mengenainya.

"Washington tidak menghubungi saya tetapi saya dengar ada negara yang sudah tutup. Ini bukan hak mereka (untuk minta kita tutup kedutaan Iraq)," katanya.

Ditanya mengenai pendirian yang diambil oleh beberapa negara Arab menyokong Amerika, Dr Mahathir percaya mereka telah ditekan dan diugut.

-- BERNAMA

ERE HS RON